

Najib Ucap Tahniah Ahli Akademik Malaysia Diiktiraf Antara Minda Sainifik Utama Dunia

Bernama

Jun

27,

2014

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengucapkan tahniah kepada tiga ahli akademik Malaysia kerana diiktiraf sebagai antara minda saintifik terkemuka dunia.

"Tahniah kepada tiga profesor Malaysia yang disenaraikan antara minda saintifik paling berpengaruh! Kita perlu orang seperti anda dalam media sosial," katanya dalam kiriman terbaru Twitter beliau.

Beliau mengulas laporan pautan berita theStar.com bertajuk 'Malaysia has three professors on world's most influential scientific minds list' (Malaysia mempunyai tiga profesor dalam senarai minda saintifik paling berpengaruh di dunia), yang dikeluarkan semalam.

Berita itu memetik laporan The World's Most Influential Scientific Minds: 2014, oleh firma maklumat perniagaan Thomson Reuters, yang menyebut penyelidik menamakan mereka yang menghasilkan kerja berimpak tinggi yang diputuskan komuniti saintifik sebagai begitu signifikan dan berguna dalam bidang mereka.

Sarjana tempatan yang menerima penghargaan itu ialah Prof Dr Abdul Latif Ahmad dari Fakulti Kejuruteraan Kimia, Universiti Sains Malaysia, Prof Dr Ishak Hakim dari Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Prof Dr Saidur Rahman dari Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya.

Senarai global itu, yang juga dikenali sebagai Laporan Penyelidik Paling Tinggi Dipetik, menampilkan 3,200 individu yang menghasilkan pelbagai penerbitan yang paling tinggi dipetik penyelidik lain dari tahun 2002 hingga 2012.

Kajian meluas, yang mengemaskini senarai penyelidik paling berpengaruh di dunia, menyaksikan penganalisis dari firma berpangkalan di New York mengkaji data petikan lebih 11 tahun lalu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1049849>